

**Najib Temui Pope Benedict XVI**  
**Bernamea**  
**Julai 18, 2011**  
**From Abdul Muin Abdul Majid**

ROM, 18 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengadakan pertemuan dengan Pope Benedict XVI di Apostolic Palace, kediaman musim panas pemimpin penganut Katolik itu di Castel Gandolfo di pinggir Rom pada Isnin.

Pertemuan Najib dengan Pope Benedict berlangsung sejurus ketibaannya di kediaman Pope itu yang terletak di hadapan tasik yang indah.

Selepas pertemuan peribadi itu, Najib memperkenalkan anggota rombongannya, termasuk isterinya Datin Seri Rosmah Mansor kepada Pope.

Najib kemudiannya menghadiahi cenderamata kepada Pope iaitu sebuah buku bertajuk "Najib" dan sulaman songket yang dibingkakan.

Kedua-dua mereka kemudiannya disertai Rosmah dan anggota delegasi Malaysia untuk sesi bergambar.

Najib kemudiannya dibawa ke bilik berasingan bagi mengadakan perbincangan peringkat delegasi dengan Setiausaha Negara bagi Holy See, Cardinal Tarcisio Bertone.

Rombongan Perdana Menteri termasuk dua Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Datuk Seri Jamil Khir Baharom, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Tan Sri Bernard Dompok serta Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan Prof Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin dan Ketua Biskop Tan Sri Murphy Nicholas Xavier Pakiam.

Ini merupakan pertemuan kedua antara seorang Perdana Menteri Malaysia dan seorang Pope selepas pertemuan antara Tun Dr Mahathir Mohamad dan Pope John Paul pada Jun 2002.

Holy See merupakan kerajaan yang mentadbir gereja Katolik di seluruh dunia dan beroperasi dari Vatican City State, yang merupakan sebuah wilayah bebas dan berdaulat terletak di satu kawasan seluas 0.44 km persegi.

Pope adalah pemerintah Vatican City State dan the Holy See.

-- BERNAMA